



KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

JPJ TERIMA ANUGERAH THE GOVMEDIA AWARDS 2025 KATEGORI “DIGITAL TRANSFORMATION OF THE YEAR – TRANSPORTATION”

PUTRAJAYA, 20 JUN 2025 – Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia telah menerima pengiktirafan **“Digital Transformation Of The Year – Transportation”** semasa majlis penganugerahan **The GovMedia Awards 2025** yang berlangsung di Singapura, semalam.

JPJ Malaysia telah mewakili Malaysia dengan mengetengahkan aplikasi MyJPJ, dan berjaya memenangi anugerah bagi kategori “Digital Transformation of the Year – Transportation”. Kejayaan ini mencerminkan usaha berterusan JPJ dalam memacu agenda pendigitalan perkhidmatan awam khususnya dalam sektor pengangkutan, sejajar dengan aspirasi Kerajaan ke arah pendigitalan sistem penyampaian perkhidmatan.

The GovMedia Awards 2025 merupakan penganugerahan kepada agensi Kerajaan/Syarikat di rantau Asia Pasifik ke atas inisiatif atau projek transformasi yang berimpak tinggi. Penilaian oleh panel-panel terdiri syarikat auditor terkemuka di dunia iaitu PwC, Ernst & Young (EY) dan KPMG.

Pihak JPJ ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pengangkutan Malaysia serta semua pihak atas sokongan berterusan sepanjang perjalanan transformasi ini. Semoga pencapaian ini menjadi pemangkin untuk terus memperkukuh inovasi dan kecemerlangan dalam sektor pengangkutan negara.

**KETUA PENGARAH PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA
20 JUN 2025**

[TAMAT]

